

# **KOLEJ ALLAMANDA RAIH KEMENANGAN BERGANDA PADA CITRAWARNA UNIMAS**

**13 November 2015**

**- The Borneo Post Online**

KOTA SAMARAHAN: Pertandingan Citrawarna UNIMAS 2015 ternyata amat bermakna buat Kolej Allamanda apabila meraih kemenangan berganda selepas dinobatkan sebagai juara bagi kategori kolej dan anugerah pakaian terbaik.

Bagi kategori sekolah menengah juara dimenangi SMK Kota Samarahan sekali gus menewaskan tujuh sekolah lain yang menyertai pertandingan berkenaan.

Pertandingan Citrawarna yang berlangsung malam kelmarin di Dataran Universiti itu diadakan sempena perasmian Festival Konvokesyen UNIMAS 2015 (ConFest 2015) yang disempurnakan Menteri Muda Pelancongan Datuk Talib Zulpilip serta dihadiri Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman.

Kategori kolej pertandingan turut menyaksikan Kolej Bunga Raya di tempat kedua sementara tempat ketiga disandang Kolej Cempaka.

Bagi kategori sekolah tempat kedua dinobatkan kepada SMK Datuk Patinggi Haji Abdul Gapor sementara Sekolah Seni Malaysia di tempat ketiga.

Juara bagi kedua-dua kategori (kolej dan sekolah) berjaya membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM2,000 berserta piala, manakala pemenang tempat kedua menerima hadiah wang tunai RM1,500 serta piala dan tempat ketiga (RM1,000 dan piala).

Anugerah pakaian terbaik bagi sekolah menengah pula dimenangi SMK Hajah Laila Taib, yang membawa pulang hadiah wang tunai RM500 dan piala.

Sementara anugerah muzik terbaik kategori kolej dimenangi Kolej Bunga Raya dan sekolah menengah dimenangi SMK St Teresa yang masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM300 dan piala.

Anugerah khas juri bagi kedua-dua kategori dimenangi SMK Wira Penrissen dan Kolej Kenanga dengan membawa pulang masing-masing RM200 dan piala.

Manakala, anugerah penampilan khas dinobatkan kepada SMK Datuk Patinggi Haji Gapor dan kesemua hadiah disampaikan oleh Talib.

Pertandingan Citrawarna kali ini disertai 10 kolej kediaman UNIMAS dan lapan sekolah menengah sekitar Kuching dan Kota Samarahan yang mempersembahkan kreativiti masing-masing dengan bertemakan 'The Colours of the World.'

Berbeza dengan tahun sebelumnya, Festival Konvokesyen kali ini berlangsung selama tujuh hari dan dimeriahkan dengan pelbagai acara bermula dari 11 hingga 17 November.

Selain untuk memeriahkan suasana majlis konvokesyen, festival diadakan bertujuan meraikan para graduan yang berjaya menamatkan pengajian masing-masing.